

26 NOV 2002

Mahathir-MCA/I

TINDAKAN DUA ADUN PULAU PINANG ADALAH SERIUS, KATA DR MAHATHIR

SUBANG, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan dua wakil rakyat Barisan Nasional dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk berkecuali dalam mengundi menentang satu usul DAP, adalah satu perkara serius dan mereka boleh dikenakan tindakan disiplin.

Perdana Menteri berkata BN akan mengkaji perkara itu sebelum membuat keputusan.

"Ya, itu satu perkara serius. (Ia menunjukkan) disiplin parti tidak dipatuhi," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia sekembalinya dari satu mesyuarat di Paris.

Ketika ditanya sama ada tindakan disiplin akan diambil terhadap kedua-dua wakil dari MCA itu, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi), Dr Mahathir berkata: "Mungkin".

Kepada soalan bahawa Lim dan Tan mendakwa mereka bertindak demikian kerana itu adalah kehendak rakyat yang mereka wakili, Perdana Menteri berkata : "(Ini seolah-olah) bermakna bahawa BN bukan suara rakyat. Kalau saya nak tanya kawasan saya, tiap-tiap kali ada undi (di Dewan Rakyat), saya kena balik tanya kawasan saya."

Dr Mahathir juga diminta mengulas kenyataan Tan bahawa tindakannya itu disebabkan oleh suara hati nurani beliau.

Perdana Menteri berkata : "Jika semua orang mengundi berdasarkan hati nurani, tidak akan ada parti.

"Bila nak masuk, nak bertanding, minta parti turut sokong. Bila dah menang nak (jadi) Bebas. Kalau parti tak ada sokong, (dia) fikir boleh menang?"

"Berapa banyak calon Bebas yang menang di Malaysia? Ramai calon Bebas bertanding (tapi) jarang menang. Yang menang ialah parti, bermakna kita bergantung pada parti. Kita kena akur kepada disiplin parti."

-- BERNAMA

RV ZS MAI